

KEWAJIPAN IPT TERHADAP PEMBANGUNAN KERJAYA MASYARAKAT PELAJAR

Oleh

Profesor Madya Dr Leha @ Zaleha Muhamat
Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan
Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM)
Kangar, Perlis.

Pendahuluan

Antara masalah besar bagi negara membangun pada hari ini, termasuk masalah para graduan susah untuk mendapatkan pekerjaan. Banyak andaian yang boleh dikaitkan berhubung dengan masalah tersebut; antaranya: pemilihan kerja yang sesuai oleh para graduan, peluang pekerjaan yang diminati oleh pelajar, berkurangan dan lain-lain lagi andaian yang dikaitkan dengan masalah kerjaya para graduan pada abad ke- 21.

1. Punca Masalah Dan Pandangan Islam Mengenainya

Setiap masalah mempunyai punca atau sebab terjadi demikian. Islam melihat sesuatu masalah ada jalan mengatasinya. Kaedah Perundangan Islam menyebut "الضرر يزال" ⁽¹⁾. Bermaksud: segala perkara bahaya atau masalah yang mengganggu kehidupan atau semua perkara yang menjadi bebanan (kepada mana-mana pihak) adalah wajib dicari jalan mengatasinya. Sehubungan itu, para pelajar IPT berhak mendapat segala manfaat untuk kebaikan diri mereka, keluarga, agama, masyarakat dan negara daripada IPT yang mereka mendaftar diri untuk menjadi pelajar-pelajarnya. Ini bererti: setiap IPT wajib mengambil tanggungjawab sebagai 'RAIEN' ⁽²⁾, berdasarkan kepada maksud sebuah hadis Rasulullah s.a.w.: "Setiap orang daripada anda adalah 'raien' dan setiap 'raien' berkewajipan menjalankan tanggungjawabnya terhadap semua rakyatnya. Imam (ketua yang mengepalai sesuatu negara, negeri, wilayah,

⁽¹⁾ Al-Suyuti (t.t.), al-Asybahu Wa al-Nazair halaman 92

⁽²⁾ Maksud 'raien' : individu atau pihak tertentu yang bertanggungjawab terhadap orang lain atau sesuatu pihak atau rakyat atau sebagainya yang ada kaitan dengan tugas dan tanggungjawabnya. Contoh: seorang suami sebagai 'raien' bagi isteri dan anak-anaknya. Dalam masa yang sama ia adalah raien kepada pelanggannya di tempat kerjanya. Ia juga adalah raien kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara; memandangkan kerjanya merupakan ibadat yang dituntut supaya dilakukan dengan penuh amanah dan keikhlasan. Firman Allah (al-Zariyat (51) ayat 56) bermaksud: "TidakKu jadikan jin dan manusia melainkan untuk mereka beribadat (ibadat khusus seperti mengerjakan sembahyang, puasa dan sebagainya dan juga ibadat umum termasuk pekerjaan seseorang, perlakuan atau tindakannya terhadap orang lain).

organisasi dan sebagainya) adalah 'raien', dia bertanggungjawab terhadap rakyatnya, lelaki yang bergelar suami (mempunyai isteri) adalah 'raien', dia bertanggungjawab terhadap rakyat, di bawah jagaannya. Wanita yang bergelar isteri (mempunyai suami) adalah 'raien' ia bertanggungjawab terhadap suami, anak-anak suami dan rumah tangga suami. Khadam (pembantu rumah) adalah 'raien' yang bertanggungjawab terhadap kepentingan dan kebajikan tuannya dan juga harta benda milik tuannya; setiap orang daripada anda adalah 'raien', dan bertanggungjawab terhadap tugas serta kewajipan masing-masing⁽³⁾.

Maksud al-Hadis di atas jelas menunjukkan bahawa IPT adalah 'raien' bagi masyarakat pelajar, maka dengan sendirinya IPT wajib mengambil tanggungjawab terhadap kepentingan, kebaikan dan juga kebajikan para pelajar. Dalam hal ini, IPT dilihat sebagai seorang individu atau badan yang mempunyai rakyatnya iaitu masyarakat pelajar. Dengan itu, semua IPT harus memahami bahawa tanggungjawab mereka bukan sahaja memberi ilmu kepada para pelajar dalam bidang-bidang berkenaan, malahan termasuk tanggungjawab dan kewajipannya terhadap semua pelajar (tanpa kecuali)⁽⁴⁾ untuk membangun mereka sebagai orang berilmu pengetahuan, serta berkemahiran, bersahsiah, tinggi (mempunyai akhlak mulia dan terpuji), berinovatif dan berketerampilan.

Dikatakan demikian kerana setiap orang pelajar yang merupakan rakyat bagi sesebuah IPT (dalam masa yang sama) ia juga adalah 'raien' kepada masyarakat dan negara. Mereka berkewajipan menjana ilmu pengetahuan secukupnya dan membina kemampuan (khususnya semasa berada di IPT) bagi membolehkan mereka menjadi 'raien' yang bertanggungjawab dan mempunyai kesedaran tinggi terhadap kepentingan sumbangan tanggungjawab mereka kepada agama , bangsa , masyarakat dan negara ⁽⁵⁾.

⁽³⁾ Ibn Hajar al-Asqalani (1978), Fathu al-Bari Bisyarhi Sahih al-Bukhari, Juzuk 19, halaman 358.

⁽⁴⁾ Tanpa mengira kaum, keturunan, agama dan sebagainya . Semua pihak (akademik, pentadbiran dan sebagainya) wajib berlaku adil terhadap IPT tempat ia bekerja , bekerja dengan penuh keikhlasan dan bertanggungjawab dengan arah dan matlamat yang sama iaitu untuk menaikkan nama institusi, organisasi dan membangun serta meningkatkan kualiti para pelajar dari segi ilmu pengetahuan , kemahiran, akhlak / moral dan sebagainya. Semua perkara tersebut dikira sebagai usaha membina kerjaya pelajar berdasarkan para pelajar yang memiliki semua perkara tersebut mudah dipilih untuk memdapatkan pekerjaan.

⁽⁵⁾ Ramai pelajar di IPT hari ini kurang kesedaran tentang kepentingan tanggungjawab mereka terhadap agama , masyarakat dan negara. Buktinya, masih terdapat jumlah besar daripada mesyarakat pelajar IPT yang kurang berkualiti dari segi akademik , akhlak kemahiran dalam bidang-bidang yang diceburi dan sebagainya. Mereka tidak memahami bahawa diri mereka sebagai pelaburan yang wajib memberi pulangan terbaik kepada agama, bangsa, masyarakat dan negara mereka.

Meneliti dan memahami maksud-maksud yang dikaitkan dengan tajuk di atas, ternyata dengan jelas bahawa fungsi dan peranan IPT sebagai ejen pembangunan masyarakat, agama, bangsa dan negara menerusi pembangunan masyarakat pelajar. Ini juga membawa erti bahawa IPT berkewajipan menyediakan pekerja mahir, bersahsiah tinggi, adil dan amanah serta bertanggungjawab.

Berdasarkan yang demikian, adalah tidak menjadi kesalahan jika dikatakan IPT tidak perlu memperbanyakkan kursus dalam sesuatu bidang, sekiranya kewujudan sesebuah kursus itu tidak berfungsi sebagai pengukuhan ke arah mencapai objektif agama⁽⁶⁾, masyarakat⁽⁷⁾, bangsa⁽⁸⁾ dan negara⁽⁹⁾.

⁽⁶⁾ Maksud 'mencapai objektif agama': Adalah diyakini bahawa semua rakyat Malaysia mempunyai agama anutan dan pegangan sebagai panduan hidup, di samping kepercayaan terhadap rukun negara yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi negara. Semua agama menghendaki penganutnya menghayati nilai-nilai murni. Tuntutan tersebut amat jelas dalam agama Islam menerusi maksud ayat al-Quran (surah al-Ahzab (33): 21) : "Pada diri Rasulullah s.a.w. (sangat banyak) contoh teladan yang wajib kamu ikuti". Sehubungan itu, Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya : "Saya diutuskan Allah kepada umat manusia untuk memandu mereka (menerusi al-Quran dan al-Hadis) supaya menghayati kehidupan dengan akhlak yang mulia". Termasuk dalam ungkapan 'akhlak mulia' menurut Islam iaitu : penghayatan kehidupan berasaskan ilmu pengetahuan, berbudi pekerti tinggi, adil, amanah dan ikhlas. Bererti : IPT wajib menjadikan perkara tersebut sebagai objektif terpenting yang mesti dicapai; memandangkan objektif berkenaan merupakan asas yang akan dibina ke atasnya objektif-objektif lain yang wajib dicapai.

⁽⁷⁾ Maksud IPT berkewajipan menyediakan program untuk mencapai objektif kebaikan masyarakat tidak terhenti pada program khidmat masyarakat atau sebagainya yang ada kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan masyarakat setempat, tetapi sebenarnya maksud tersebut (menurut perspektif Islam) perlu diprogramkan secara berstruktur menerusi pengajaran dan pembelajaran formal dan tidak formal (seperti aktiviti-aktiviti kerohanian dan sebagainya) yang menekankan cara berkesan untuk membangun ahli masyarakat (individu dalam keluarga, keluarga dalam masyarakat setempat, masyarakat setempat dalam sesebuah negeri dan negeri dalam negara) yang mengenali diri. Bererti: seseorang ahli masyarakat wajib disedari untuk mengetahui tentang diri sendiri, dari sudut kedudukannya di sisi Tuhan adalah merupakan makhluk / manusia yang dipinjamkan segala anggota, kesihatan dan sebagainya dan diamanahkan untuk menggunakannya pada jalan kebaikan secara aman dan harmoni. Dari sudut kedudukannya dalam keluarga ia harus kenal dirinya sebagai anak bagi ibu dan ayah, kemudian akan menjadi isteri kepada suami atau sebaliknya, bapa atau ibu bagi anak-anak dan sebagainya; supaya ia tahu melaksanakan tanggungjawab keluarga apabila tiba masa ia berada dalam status berkenaan (sebagai suami / isteri, bapa / ibu dan sebagainya). Dari sudut dirinya sebagai awam, manusia harus disedari (melalui amalan budaya dan agama yang dihasilkan oleh pendidikan formal dan tidak formal) tentang kedudukannya dalam masyarakat dan dalam satu masa yang sama ia memegang bermacam-macam watak dan tanggungjawab. Contoh: seorang wanita. Dalam satu masa ia memegang gelaran isteri, ibu, anak, pekerja awam (yang ia harus tahu kedudukannya sebagai ? dalam jawatannya sebab ia wajib menunaikan tanggungjawab secara amanah dan adil terhadap pelanggan-pelanggan atau rakyatnya).

⁽⁸⁾ Objektif membangun masyarakat pelajar yang berkesedaran tinggi tentang kepentingan pembentukan satu bangsa adalah menjadi tanggungjawab terpenting bagi sesebuah institusi dan organisasi. Ini kerana keharmonian dan kesejahteraan sesebuah masyarakat dan negara bergantung kuat kepada kekukuhan maruah bangsa bagi masyarakat dan negara berkenaan. Sejarah membuktikan banyak bangsa atau kaum terdahulu telah hilang lenyap ditelan masa

Melihat dari aspek yang sama (fungsi dan kewajiban) , IPT disifatkan sebagai satu badan yang bertanggungjawab bagi membantu membina kerjaya para pelajar; seharusnya setiap IPT berlumba-lumba (bersaing) dalam menghasilkan graduan yang berkualiti tinggi dari segi sahsiah, ilmu pengetahuan kemahiran, inovatif dan sebagainya. Semua itu harus selaras dan bersesuaian dengan gelaran kepada para pelajarnya sebagai mahasiswa dan mahasiswi ; agar gelaran sedemikian tidak menjadi seperti kata pepatah : "Indah khabar dari rupa".

Sehubungan dengan itu al-Quran menyeru: "فاستيقوا الخيرات". Maksudnya: Berlumba-lumbalah anda dalam menghasilkan segala kebaikan⁽¹⁰⁾. Walaupun ayat al-Quran itu berupa seruan tetapi dilihat pada suatu sudut, seruan berkenaan membawa hukum atau perintah wajib; sekiranya disasarkan seruan itu kepada pihak-pihak tertentu yang memegang tanggungjawab dan amanah umum atau awam.

= (seperti kaum / bangsa Ad dan Thamud yang disebut dalam al-Quran: (Surah Ibrahim (14) ayat 9) disebabkan ahli masyarakat ketika itu tidak sensitif dalam menjaga serta memelihara maruah bangsa. Mereka bermusuhan sesama sendiri menyebabkan kekuatan perpaduan menjadi rapuh dan longgar. Allah S.W.T. mengingatkan dalam al-Quran dengan memberi banyak contoh supaya masyarakat manusia mengambil perhatian dan langkah menyusun strategik dalam usaha memartabatkan bangsa negara sendiri sebagai satu bangsa yang berdaulat dan memelihara maruahnya (melalui kekukuhan perpaduan) agar terus kekal sebagai benteng penghalang dari kemasukan unsure-unsur yang merosak dan melemahkan bangsa berkenaan. Antara contoh yang terang dan jelas iaitu bangsa Sabak (rujuk surah Sabak di dalam al-Quran) yang Allah anugerahkan kehidupan yang makmur, aman dan harmoni. Namun, diakhiri dengan kesusahan dan kemiskinan disebabkan bangsa Sabak tidak memelihara maruah bangsa mereka hingga masing-masing rela melihat perpecahan berlaku dan menghakis kesejahteraan dan keharmonian yang ada. Dengan itu kemakmuran daripada hasil pertanian yang subur bertukar menjadi lading yang muram, buah-buahan yang manis bertukar menjadi rasa yang tidak enak; akibat perpecahan bangsa. Rujuk Tafsir al-Munthakab halaman 638 mengenai ayat 15 – 19 dalam surah Sabak (34) .

⁽⁹⁾ Objektif untuk kebaikan negara yang perlu dipikul oleh IPT; dari sudut hakikat para pelajar di Menara Gading merupakan pelaburan negara yang sepatutnya setiap orang graduan mampu memberi pulangan / keuntungan semaksima mungkin kepada masyarakat dan negara dalam memenuhi keperluan-keperluan tertentu. Untuk itu, penawaran kursus harus berlaku dalam rangka yang mengambil kira keperluan-keperluan berkenaan dalam semua bidang dan aspek. Bererti : setiap orang pelajar dibangunkan dari segi akademik yang mantap, bersahsiah tinggi dan dikenal pasti masyarakat pelajar melalui proses pendidikan yang bermutu bahawa mereka telah dibangunkan. Yakni: semua pelajar mampu memanfaatkan segala ilmu yang didedahkan dan dipelajari. Untuk itu, IPT harus tidak memandang ringan terhadap sikap pelajar yang belajar dalam keadaan tidak bertanggungjawab (ponteng kelas, membuat kerja-kerja pengajian seperti melepas batuk di tangga dan sebagainya) atau pelajar yang tidak berakhlak atau rendah sahsiah dan sebagainya. Ini juga membawa maksud; kursus-kursus yang seseorang pelajar wajib ambil harus bersifat imbang untuk membangun dirinya sebagai warga negara yang terpelajar. Bermaksud: kukuh dari segi akademik (pencapaian akademik yang memuaskan), berkemampuan tinggi dalam mengkhidmatkan ilmu pengetahuan (pemikiran berkembang untuk mencipta kebaikan atau menyelesaikan masalah dan sebagainya – bukan fikiran jumud dan bersifat tidak matang).

⁽¹⁰⁾ Surah al-Baqarah (2) ayat 148.

Banyak contoh terdapat dalam perundangan Islam yang menunjukkan bahawa ayat atau pernyataan yang pada suatu sudut dilihat sebagai umum dan tidak menunjukkan hukum tertentu bagi perkara tertentu. Tetapi sebenarnya ia membawa hukum khusus bagi perkara-perkara tertentu; memandangkan perkara berkenaan akan menghasilkan kesan tidak baik jika sesuatu yang diperlukan itu tidak disempurnakan.

Antara kaedah berkenaan (seperti yang disebutkan sebelum ini) iaitu : "الضرر يزال" ⁽¹¹⁾ . Bermaksud : "Setiap perkara yang merbahaya atau perkara-perkara yang menyebabkan bahaya hendaklah wujud usaha untuk dihilangkan".

Kaedah yang ringkas sebegini jika dikenakan sasarannya pada pengguna jalan raya misalnya; sudah tentu ianya membawa hukum atau perintah khusus. Yakni : setiap pengguna jalan raya diwajibkan mematuhi undang-undang dan peraturan mengguna jalan raya seperti yang ditetapkan atau dikehendaki. Bagi pihak pelaksanaan undang-undang jalan raya sewajibnya mereka sentiasa mencari kaedah berkesan supaya bahaya di jalan raya dapat diatasi. Dan ini termasuk penyediaan jalan raya yang selamat diguna.

Berbalik kepada penggunaan kaedah tersebut yang sasarannya pada IPT; sudah tentu perkara tersebut perlu dilihat pada darat atau bahaya yang bersifat tersangat rahsia. Ini memerlukan penelitian pada aspek-aspek tertentu; jika tidak bahayanya itu tidak akan kelihatan dan sukar untuk mencari jalan dan merancang cara mengatasinya.

Sehubungan dengan itu Islam membantu pihak perancang kebaikan bagi sesuatu perkara agar hasil usaha yang dijalankan benar-benar mencapai matlamat. Untuk itu, Islam meyakinkan para ilmuan dan pengkaji untuk menghasilkan sesuatu kebaikan agar mendapatkan bantuan maklumat atau panduan daripada petunjuk Allah di dalam al-Quran , kerana al-Quran mengandungi semua perkara yang diperlukan oleh kehidupan umat manusia. Firman Allah:

"ما فرطنا في الكتاب من شيء" ⁽¹²⁾

Bermaksud: Kami (Allah S.W.T. yang mencipta segala peraturan dan undang-undang untuk kebahagiaan dan kesejahteraan umat manusia di dunia ini dan juga kehidupan di akhirat (sesudah manusia semua mati) Kami tidak meninggalkan suatu perkara pun yang tidak disebut atau dinyatakan tentang hukumnya atau panduan untuk menghasilkan sesuatu kebaikan – melainkan semuanya – disebut di dalam al-Quran.

⁽¹¹⁾ Al-Sayuti , al-Asybahu Wa al-Nazair halaman 92.

⁽¹²⁾ Al-Quran : surah al-Anaam (6), ayat 31.

Sehubungan dengan itu juga, Allah memerintah semua pihak atau individu yang berkenaan⁽¹³⁾ dan yang berkemampuan⁽¹⁴⁾ untuk menghasilkan kebaikan-kebaikan tertentu dan berkenaan; selaras dengan konsep dan prinsip Islam agar segala perancangan dan pelaksanaan yang dibuat benar-benar mencapai maksud 'tidak membazir'. Ini kerana 'pembaziran' dan 'pemborosan'⁽¹⁵⁾ merupakan penghakis segala kebaikan. Allah menyebut dalam al-quran:

"ولا تبذروا تزييرا : ان المبذرين كانوا اخوان الشياطين وكان الشيطان لربه كفورا"⁽¹⁶⁾

Bermaksud : Dan janganlah engkau (sasaran kepada setiap individu yang berakal dan boleh berfikir) membazir dalam apa bentuk pembaziran sekalipun. Sesungguhnya perbuatan atau perlakuan atau tindakan atau tabiat membazir yang ada pada seseorang itu menyebabkan dirinya menjadi saudara syaitan (dari segi persamaan kegemaran yang ada pada orang yang suka membazir dan juga syaitan), dan kegemaran syaitan ialah menderhakai perintah Allah (menyukai perkara tidak baik dan meninggalkan yang baik).

Ayat di atas membawa maksud (antara lain): setiap individu atau mana-mana pihak yang merancang atau melaksanakan sesuatu kebaikan, tetapi tidak mengambil kira pulangan atau hasil serta manfaat atau sebagainya yang sepatutnya diperolehi; malah dilakukan dengan berdasarkan keperluan menurut

⁽¹³⁾ Pihak pentadbiran, pengurusan, perancang, pelaksana dan sebagainya bagi sesebuah institusi / organisasi.

⁽¹⁴⁾ Islam menarik pandangan tentang tugas dan fungsi pekerja bagi sesuatu perkhidmatan / bidang pekerjaan hendaknya berlaku dalam keadaan setiap kerja harus bersesuaian dengan bidang ilmu dan kemahiran asas yang ada pada pekerja berkenaan (khususnya kerja-kerja professional) disamping latihan-latihan tambahan (kursus, seminar dan sebagainya) bagi tujuan pengukuhan dan pemantapan. Dalam al-Quran disebut (al-Nahlu (16) : 43) "فاسئلوا أهل الذكر ان كنتم لا تعلمون". Bermaksud : Maka bertanyalah orang yang berilmu dan mahir tentang perkara atau bidang-bidang yang kamu tidak mengetahui. Dari aspek ini, IPT berkewajipan mendidik dan melatih (menerusi pengajian dan latihan yang mantap dan cukup) bagi melahirkan tenaga professional dalam bidang-bidang tertentu yang diperlukan oleh masyarakat dan negara.

⁽¹⁵⁾ Maksud boros (اسراف) : Merancang atau mengguna sesuatu melebihi batasan keperluan hingga menyebabkan halangan dari melakukan / mengadakan keperluan lain. Atau tidak bijak dalam menyusun keutamaan. Contoh: keperluan yang kedudukannya pada no.3 (Tahsiniyat ; Yakni: perkara yang diperlukan untuk menambah baik pada sesuatu perkara dan tidak mencatitkan atau bahaya jika perkara itu tidak ada) diletak sebagai no.1 (Dharuriyat; yakni: perkara-perkara yang kedudukannya sebagai asas / dasar sesuatu itu akan cacat atau rosak atau sebagainya jika perkara berkenaan tidak ada). Demikian juga perkara-perkara yang kedudukan keperluannya jatuh no.2 bagi sesuatu (Hajiyat ; yakni: perkara yang boleh menyebabkan sedikit kecacatan / bahaya kecil jika ia tidak ada pada sesuatu itu). Pemborosan boleh berlaku pada semua perkara, keadaan dan aspek. Allah melarang perbuatan boros. FirmanNya dalam al-Quran (al-Anaam (6) : 141) bermaksud: "Dan janganlah kamu berboros dalam tindakan atau pekerjaan, sesungguhnya Allah tidak menyukai pemboros".

⁽¹⁶⁾ Al-Quran (surah al-Israk (17) : ayat 26 dan 27).

andaian sendiri atau tekaan (bukan pasti melalui kajian terperinci dan rapi) perkara tersebut dikira pembaziran. Setiap pembaziran tidak mendapat keberkatan Allah. Perkara yang tidak ada keberkatan; walaupun pada beberapa sudut dilihat indah dan baik tetapi sebenarnya membawa kesan tidak baik atau bahaya.

Antara contoh yang boleh dikaitkan dengan kerjaya para pelajar berhubung dengan pembaziran dapat dilihat pada diri pelajar yang memenuhi syarat berijazah tetapi tidak punyai kekuatan dan kemampuan dari segi ilmu dan kemahiran, (sebab mengambil kursus-kursus yang tidak mencapai objektif pengukuhan akademik, sahsiah, keterampilan dan sebagainya); dan ini menyebabkan graduan berkenaan gagal dalam temuduga untuk mendapatkan pekerjaan atau mendapat pekerjaan tetapi kemampuan dan kebolehan yang ada (yang dikumpulkan semasa di IPT) tidak mencukupi untuk membuatkan ia mencipta kecemerlangan dalam kerjayanya. Perkara tersebut adalah pembaziran dan merugikan pihak majikan, masyarakat dan negara. Oleh yang demikian, IPT wajib memandang berat tentang masalah pembaziran dan pemborosan; sama ada dari segi pengurusan akademik atau pentadbiran; seharusnya dilakukan dengan memberi keutamaan menurut keperluan dharuriyat (no.1), hajiyat (no.2) dan tahsiniyat (no.3). Dari aspek lain, sesuatu kebaikan perlu ada tiga komponen ini; asas (dharuriyat), hajiyat (pengukuh), tahsiniyat (penambahbaikan).

2. Pembangunan Kerjaya Masyarakat Pelajar

IPT dan masyarakat pelajar adalah dua perkara yang sama sekali tidak boleh diasingkan pada semua aspek dan sudut kerana kedua-dua perkara tersebut saling berkait rapat antara satu sama lain. Istilah-istilah pada panggilan dan gelaran yang disandarkan pada para pelajar; seperti mahasiswa, mahasiswi, graduan dan sebagainya membuktikan bahawa tugas dan tanggungjawab utama IPT untuk membangun masyarakat pelajar agar menjadi manusia yang mampu memberi sumbangan kepada diri sendiri, keluarga, agama, bangsa, masyarakat dan negara. Bagi menyempurnakan tugas dan tanggungjawab tersebut sewajarnya IPT tidak memandang ringan terhadap perkara-perkara serta pandangan dan idea untuk membantu masyarakat pelajar.

3. Objektif-objektif Yang Wajib Dicapai Dari Kewujudan IPT

3.1 Penyediaan bidang-bidang ilmu dan tenaga mahir (اهل الذکر) atau profesional bagi memenuhi keperluan negara.

Tidak dinafikan semua IPT pada hari ini telah menjalani tanggungjawab tersebut. Berbagai-bagai bidang ilmu dan latihan kemahiran diadakan dan dipelbagaikan lagi cabang-cabang bidang (sub-bidang) hingga kadang kala menyebabkan para pelajar susah untuk membuat pilihan (kursus-kursus opsyen / elektif). Bagi pelajar yang tidak mementingkan ilmu pengetahuan dan

kemahiran sudah tentu mereka akan pilih kursus-kursus yang bukan berdasarkan tujuan membantu mengukuhkan bidang ilmu yang diambil atau pemantapan sahsiah, tetapi dilihat pada aspek untuk mencukupi unit pengijazahan dan sebagainya.

Dari sudut lain, bilangan kursus yang banyak tetapi kandungan dan penekanannya boleh diserap pada kursus-kursus tertentu; maka penawaran kursus-kursus berkenaan kurang membantu untuk mengukuhkan kebolehan dan kemampuan akademik para pelajar. Ini kerana jumlah unit yang diambil kira adalah terhad. Seseorang pelajar yang memenuhi syarat pengijazahan, ia tidak perlu menambah ilmu dan kemahirannya lagi; walaupun pada hakikatnya kemampuannya dari segi akademik masih belum kuat. Oleh itu penyediaan acuan bidang ilmu yang ditawarkan dari segi falsafah, tujuan dan objektifnya harus memberi penekanan kepada pengukuhan akademik, pembinaan sahsiah dan keupayaan dari segi penampilan.

Untuk itu, Islam menganjurkan tiga kaedah berkenaan yang menekankan dari segi mencapai matlamat 'pengukuhan' dan 'pemantapan'. Kaedah-kaedah berkenaan seperti yang disebutkan sebelum ini; cuma yang berbeza dari segi matlamat dan faedah⁽¹⁷⁾

Berdasarkan yang demikian, IPT bertanggungjawab untuk menyediakan bidang pengajian bagi memenuhi kepentingan dan keperluan negara yang dibahagikan kepada tiga komponen iaitu : dharuriat , hajiyyat dan tahsiniyat.

Bererti : IPT hendaklah sentiasa memastikan perkhidmatan dan sumbangannya mampu menghasilkan kebaikan kepada negara ; dari segi penyediaan bidang ilmu yang boleh membangun mesyarakat pelajar , begitu juga pada bahagian pentadbiran dan pengurusan. Ini juga membawa erti bahawa semua perkara yang dirancang dan akan dilaksanakan perlu dilihat pada status keperluan bagi mencapai objektif serta matlamat dan tujuannya; demi untuk mengelak pembaziran dan pemborosan.

⁽¹⁷⁾ Kaedah-kaedah 'dharuriyat' , 'hajiyyat' dan 'tahsiniyat' diguna pakai pada semua perkara berdasarkan kesesuaian maksud, tujuan dan faedah yang dikehendaki. Bagi tujuan membantu membina kerjaya pelajar, IPT perlu memastikan seseorang pelajar dikukuhkan dari segi akademik / kemahiran mengkhidmatkan ilmu untuk faedah diri, keluarga, masyarakat dan negara dan juga kekuatan / ketinggian sahsiah serta kebolehan dari segi penampilan. Demi mencapai semua itu, kaedah-kaedah tersebut dipakai berhubung dengan akademik dibahagikan kepada asas bidang (dharuriyat) pengukuhan bidang (hajiyyat) dan penambahbaikan bidang (tahsiniyat). Dari sudut pengukuhan pelajar sebagai orang terpelajar, seorang pelajar perlu dipastikan mantap dengan kursus-kursus pusat pengajian / fakulti (dharuriat), mantap dalam kursus-kursus wajib untuk membangun kerohanian, kemanusiaan , kemasyarakatan dan kenegaraan (hajiyyat) dan kursus-kursus tambahan untuk tujuan menambah kekuatan bidang dan kemampuan penampilan (tahsiniyat). Dari segi ' keutamaan ' , IPT harus memberi keutamaan kepada perkara-perkara tersangat penting (dalam pentadbiran dan pengurusan dan sebagainya); sekiranya ketiga-tiga komponen tidak dapat diberi tumpuan serentak kerana sebab-sebab tertentu.

Contoh : negara memerlukan kepakaran dalam bidang ekonomi , perubatan , kejuruteraan , politik dan sebagainya. IPT harus melihat keperluan negara berhubung dengan ekonomi misalnya , bukan sahaja terhenti pada penyediaan kursus-kursus yang mengkaji , membahas dan memberi pendedahan atau penekanan terhadap maksud-maksud tersurat / jelas mengenai ilmu atau perkara asas (dharuriyat) dalam bidang ekonomi, tetapi para pelajar dibantu juga untuk mampu mengguna segala ilmu yang dipelajari menerusi skim ilmu yang boleh membina semangat untuk bekerja keras dengan penuh keikhlasan , adil serta amanah dan bertanggungjawab. Malah skim ilmu demikian yang tergolong dalam komponen ' hajiyyat ' hendaklah didedahkan dan dipelbagaikan pendedahannya seperti : kursus tertentu yang ditawarkan, aktiviti pengajaran- pembelajaran (pembentangan persembahan dal tutorial atau bengkel dan sebagainya) atau aktiviti tidak formal seperti ceramah , perdebatan, seminar dan lain-lain.

Bagi komponen 'tahsiniyat' pula yang dikaitkan dengan bidang ekonomi, IPT harus melihat ruang dan peluang-peluang untuk dikaji selidik atau dibuka bidang baru untuk kebaikan negara. Contoh: negara menghadapi masalah pengaliran wang keluar melalui kemasukan pekerja asing ; khususnya pekerja ladang dan pembantu rumah. Seharusnya IPT melihat perkara ini sebagai satu keperluan untuk menawarkan bidang pengajian ke arah membina serta membangun tenaga kerja dalam bidang-bidang yang diperlukan itu bagi melatih dan melahirkan tenaga-tenaga mahir untuk tujuan mengatasi masalah kemasukan pekerja asing dan pengaliran ke luar wang negara.

Umumnya, IPT mempunyai tanggungjawab besar terhadap usaha memenuhi kepentingan dan keperluan negara dalam berbagai-bagai bidang dan aspek. Dengan itu adalah dikatakan IPT juga bertanggungjawab terhadap pelajar dari segi membangun mereka sebagai insan seimbang yang mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran, sahsiah tinggi dan berkeupayaan menampilkan kareer dalam kerjaya. Setiap IPT perlu memikirkan dan membina acuan sendiri bagi mencapai objektif 'memenuhi kepentingan dan keperluan negara' menerusi penstrukturan pengkhususan yang kemas dan mantap dalam berbagai-bagai bidang pengajian dengan mengatur susun keperluan berdasarkan status dharuriyat, hajiyyat dan tahsiniyat.

Pendek kata, kaedah 'dharuriyat' , 'hajiyyat' dan 'tahsiniyat' boleh diklasifikasikan dalam menstrukturkan sesuatu untuk menjadikan sesuatu itu lengkap, kemas, kukuh dan mantap.

3.2 IPT bertanggungjawab dalam menyedia insan seimbang untuk memenuhi keperluan dan kepentingan masyarakat.

Islam sangat memandang berat terhadap penyediaan ahli masyarakat yang seimbang. Allah berfirman dalam al-Quran:

"وابتغ فيما اتاك الله الدار الاخرة ولا تنس نصيبك من الدنيا , وأحسن كما أحسن الله اليك ولا تبغ

الفساد في الأرض ان الله لا يحب المفسدين "
(18)

Bermaksud: Jadikanlah segala kebaikan , keuntungan dan kekayaan (harta benda dan kesihatan badan atau sebagainya) sebagai sesuatu yang dibelanjakan pada jalan Allah (pada jalan yang Allah redai) dan sejajar dengan kerja untuk mendapat pahala Allah (balasan baik) di hari akhirat (alam kehidupan semula selepas manusia semua mati untuk selama-lamanya), namun Allah ingatkan manusia, janganlah kerana kamu ingin hidup sejahtera di akhirat hingga kamu tidak fikirkan atau lupa untuk menikmati kehidupan yang baik dan sejahtera di dunia ini – oleh itu usahalah bersungguh-sungguh untuk menjadi insan seimbang yang mementingkan kesejahteraan hidup didunia dan juga di akhirat, dan berbuat baiklah kepada semua hamba Allah (manusia, binatang dan alam selain manusia dan binatang yang dikenali sebagai alam jamad, yakni: manusia dikehendaki supaya memeliharanya dengan baik dan gunakan ia dengan cara yang Allah izinkan) sepertimana Allah berbuat baik kepada kamu, dan janganlah kamu melakukan kerosakan (perbuatan yang boleh memberi kesan tidak baik) di muka bumi ini, sesungguhnya Allah tidak suka orang yang melakukan kerosakan⁽¹⁸⁾ .

Selaras dengan sifat-sifat Ketuhanan yang unggul yang Allah miliki Ia datangkan ayat-ayat al-Quran dalam bentuk 'ijmal' dan umum⁽²⁰⁾ kecuali perkara atau kes tertentu⁽²¹⁾ yang dikhususkan sebutannya atas sebab dan hikmah

⁽¹⁸⁾ Al-Quran : surah al-Qisas (28) ayat 77 .

⁽¹⁹⁾ Al-Muntakhab: halaman 587.

⁽²⁰⁾ Ayat-ayat al-Quran yang dikatakan 'ijmal' iaitu kalam Allah di dalam al-Quran yang ringkas atau disebut mengenai sesuatu perkara (yang tidak dimaksudkan untuk dikhususkan) tetapi mengandungi banyak perkara lain yang berkaitan. Ini disebut dalam Istilah Perundangan Islam sebagai "nas atau fakta yang tidak dilihat pada kekhususan lafaz / perkataan tetapi diambil kira keumuman makna dan maksudnya". Contoh: firman Allah bermaksud "Berlumba-lumbalah kamu semua dalam mencipta / mengerjakan kebaikan" – Al-Quran : al-Baqarah : 148). Nas atau fakta berkenaan dikatakan bersifat 'ijmal' (ringkas) kerana dilihat pada tulisan dan sebutannya tersangat pendek, tetapi dalam masa yang sama ia bersifat 'umum'. Dikatakan demikian kerana ayat Allah yang membawa maksud "berlumba-lumbalah kamu sekalian dalam mencipta atau membuat kebaikan" ditujukan atau disasarkan kepada semua umat manusia yang menikmati akal fikiran yang sempurna (boleh berfikir dengan baik) daripada Allah. Selagimana manusia mempunyai akal yang boleh berfikir ia wajib mengambil tanggungjawab mencipta dan mengerjakan kebaikan; khususnya pada perkara-perkara yang berkaitan dengan peranan, tugas dan tanggungjawabnya sebagai "raien" terhadap rakyatnya. Ini termasuk IPT terhadap para pelajar, guru terhadap murid , suami terhadap isteri dan anak-anak dan demikianlah seterusnya pada semua perkara, keadaan dan tempat ada hukum atau panduan mengenainya. Sebab itulah al-Quran menyebut: "Kami (Allah) tidak tinggal satu perkara pun yang tidak dinyatakan di dalam al-Quran tentang panduan untuk kesejahteraan makhluk" – al-quran : Surah al-Anaam ayat 31).

tersendiri yang hanya Allah sahaja lebih mengetahuinya. Ini kerana akal manusia tidak mampu untuk mengetahui hakikat sebenarnya disebabkan keterikatan maklumat dengan keizinan Allah; jika Allah izinkan manusia berjaya mengkaji dan mendapatkan penemuan dan sebagainya. Namun, masih banyak perkara yang manusia mencari-cari sesuatu mengenainya, jawapannya yang sebenar masih kesamaran atau 'tiada'. Dalam apa jua keadaan, manusia diminta supaya meyakini bahawa Maha Suci Allah yang bersifat Maha Pengasih lagi Amat Penyayang terhadap semua makhluk⁽²²⁾ Allah tetap mengekalkan sifat dan fungsi nas atau fakta-fakta berkenaan dalam bentuk 'ijmal' dan 'umum' bagi kebanyakan perkara dan isu. Dengan itu, mudah bagi manusia untuk memahami tugas dan tanggungjawab masing-masing (berdasarkan keadaan, status dan kemampuan yang wajib dibina dari masa ke semasa bagi mengubah nasib diri, keluarga, bangsa, masyarakat dan negara⁽²³⁾ .

Dalam Islam terdapat banyak nas atau fakta yang mafhum dan maksudnya boleh difahami melalui sumber ilmu yang unggul (al-Quran dan juga al-Hadis)⁽²⁴⁾ tentang kewajipan dan tanggungjawab individu, sesuatu institusi, organisasi dan sebagainya. Menerusi kertas kerja ini saya ingin kaitkan kewajipan IPT dengan maksud ayat 77 dalam surah al-Qisas sebagai tuntutan yang wajib dilaksanakan dalam usaha membangun masyarakat pelajar; memandangkan IPT adalah 'raien' bagi rakyatnya iaitu setiap orang pelajar yang mendaftar diri di institusi berkenaan.

Terdapat empat (4) perkara asas yang boleh difahami sebagai tanggungjawab IPT terhadap pembangunan kerjaya masyarakat pelajar menerusi ayat 77 dalam surah al-Qisas itu;

⁽²¹⁾ Perkara atau kes khusus seperti ayat-ayat mengenai cerita-cerita kaum terdahulu atau para nabi untuk diambil iktibar.

⁽²²⁾ Terdapat di dalam al-Quran tersangat banyak ayat yang menunjukkan dan membuktikan Allah bersifat Maha Pengasih lagi Amat Penyayang. Antara lain; maksud "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ" iaitu "Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Amat Penyayang. Dan ini wajib dibaca dalam solat wajib sekurang-kurang 5 kali sehari semalam.

⁽²³⁾ Allah berfirman dalam al-Quran (surah al-Rakdu ayat 11): "ان الله لا يغير ما بقوم حتى يغيروا ما بأنفسهم" Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum / bangsa melainkan mereka sendiri berusaha mengubahnya. Dilihat pada suatu sudut IPT merupakan badan yang berfungsi untuk mencipta nasib kaum / bangsa, kerana matlamat utama penubuhan IPT untuk membangun masyarakat dan negara menerusi pembangunan masyarakat pelajar kerana para pelajar yang akan mewarisi kepimpinan masyarakat dan negara masa akan datang. Rebah bangun dan maju mundurnya masyarakat dan nasib negara pada masa akan datang adalah terletak pada kekuatan masyarakat pelajar pada hari ini dari segi ilmu pengetahuan, sahsiah dan keupayaan dalam kepimpinan dan sebagainya. Sewajibnya IPT tidak memandang ringan tentang perkara tersebut.

⁽²⁴⁾ Rasulullah s.a.w. bersabda: "تركتم فيكم أمرين ان تمسكتم بهما فلن تضلوا أبدا: كتاب الله وسنة رسوله" Bermaksud: saya tinggalkan kepada kamu dua perkara yang membuatkan kamu tidak akan sesat (terkeliru atau kerugian) jika kamu berpegang (merujuk atau berpandu) dengan kedua-duanya iaitu: kitab Allah (al-Quran) dan Sunnah RasulNya (al-Hadis). Rujuk: kitab 'al-Muwattak' oleh Imam Anas bin Malik dan Ibn Majah.

3.2.1. Membangun masyarakat pelajar yang benar-benar berilmu dan mampu memanfaatkan ilmu yang dipelajari untuk kebaikan dirinya (mampu bertindak untuk membezakan dirinya sebagai orang berpendidikan tinggi dan mereka yang tidak ada pelajaran / jahil). Untuk itu Allah sebut dalam ayat berkenaan (mafhumnya): "Jadikanlah pada apa yang Allah datangi kepada kamu⁽²⁵⁾ daripada segala kebaikan, untuk dibelanjakan pada jalan Allah.....⁽²⁶⁾".

3.2.2. Faedah sebutan "dan janganlah kamu lupai nasib kamu di dunia" yang boleh dikaitkan dengan kewajipan dan bertanggungjawab IPT dalam membangun masyarakat pelajar dapat dilihat pada "keperluan kehidupan ahli masyarakat kepada perkhidmatan para professional dalam bidang-bidang tertentu, seperti bidang sosiologi, psikologi, kejuruteraan, perubatan dan lain-lain yang seumpamanya". Dalam usaha membina dan membangun tenaga professional adalah tidak dinafikan bahawa IPT di merata-rata telah menjalani tanggungjawab mencipta visi, misi dan slogan-slogan yang memaparkan perkataan / ayat yang dikira sebagai moto yang menggerak ke arah pencapaian visi dan misi masing-masing dalam bentuk dan bunyi yang mengandungi semangat berkobar-kobar seperti "Kami Memimpin" , "Ilmu Keikhlasan , Kecemerlangan" dan berbagai-bagai lagi. Islam memandang semua itu adalah baik untuk membina dan membangun sesuatu kebaikan. Tetapi perbezaan antara visi, misi dan slogan-slogan dalam Islam dan yang biasa dikenali dalam masyarakat yang dicipta oleh manusia, di mana Islam lebih menekankan kepada

⁽²⁵⁾ "Kamu" : Sebutan 'kamu' dalam ayat itu boleh disasarkan kepada semua umat manusia yang berakal untuk mengingatkan mereka tentang kewajipan mengenali dan memahami bidang tanggungjawab masing-masing terhadap rakyat masing-masing. Kemudian berusaha secukupnya untuk menjalani tanggungjawab berkenaan dengan cemerlang. Kecemerlangan sesuatu tanggungjawab (sama ada pada individu atau institusi / organisasi dan sebagainya) terletak pada kualiti produknya. Para pelajar yang Allah datangi bagi sesebuah universiti (ditakdirkan masuk belajar di universiti berkenaan) merupakan harta modal universiti. Tuan harta berkenaan adalah semua staf (dari lapisan atasan hingga bawahan dalam semua jabatan dan pusat pengajian fakulti dan sebagainya bagi sesebuah universiti) dan mereka berkewajipan menjalani tanggungjawab berpakej dalam menyumbangkan perkhidmatan dengan niat dan matlamat yang sama iaitu membangun masyarakat pelajar dan membantu membina kerjaya mereka.

⁽²⁶⁾ Maksud 'membelanjai apa yang diberi pada jalan Allah' : jika masyarakat pelajar bagi sesebuah universiti merupakan pemberian Allah kepada universiti berkenaan (semua staf memperoleh pekerjaan dan rezeki melalui kewujudan pelajar), maka selaras dengan itu Allah menuntut kepada semua staf supaya berusaha menjadikan 'apa yang didatangi itu' (masyarakat pelajar) sebagai sumber yang dibelanjakan pada jalan Allah. Yakni: semua staf di semua IPT wajib disedari dilatih dan dibekalkan kemampuan untuk menjadikan produk IPT mereka (masyarakat pelajar) sebagai orang yang mampu memberi sumbangan kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Untuk mencapai matlamat tersebut, tidak cukup bagi sesebuah IPT menyediakan kursus-kursus yang banyak , segala aktiviti, program dan sebagainya , tetapi tidak mampu melahirkan graduan yang memiliki ilmu pengetahuan serta kemahiran yang padat dan mampat (gulungan ijazah yang benar-benar menjadi saksi atas kebolehan serta kemampuan graduan dari segi pemikiran, kebijaksanaan mencipta sesuatu dalam bidang pengajiannya dan berkemampuan menyelesaikan / mengatasi masalah dengan bijak dan sebagainya.

tindakan susulan yang efektif untuk mencapai objektif / matlamat daripada sesuatu misi , visi , wawasan dan sebagainya.

Contoh: dalam azan (5 kali sehari) sebagai tanda masuk waktu solat wajib (zohor, asar, maghrib, Insyak dan subuh), antara lain muezzin melaungkan seruan yang berbunyi "حي على الصلاة , حي على الفلاح". Bermaksud: Marilah bersolat, marilah menuju kejayaan. Sebagai tindakan susulan; Rasulullah s.a.w. bersabda: "صلوا كما رأيتموني أصلي". Bermaksud: Bersembahyanglah anda seperti anda melihat saya bersembahyang. Ini membawa hukum dan tindakan yang wajib dilakukan oleh orang muslim: orang bersolat sewajibnya mempunyai hati , akhlak dan budi pekerti mulia yang bukan sahaja mampu menyelamatkan dirinya dari bahaya keburukan dan kejahatan⁽²⁷⁾, malah ia mampu membahagiakan orang lain menerusi tindakannya yang sentiasa diawasi⁽²⁸⁾. Ini kerana Islam menyusuli sesuatu seruan ke arah kebaikan dan mendesak supaya diadakan latihan tubi yang ditekankan di dalam al-Quran dan al-Hadis untuk membudayakan kehidupan masyarakat dengan nilai-nilai agama, kemanusiaan, kemasyarakatan dan kenegaraan⁽²⁹⁾. Semua itu dilaksanakan dan dihayati dalam institusi keluarga, institusi-institusi pendidikan, pentadbiran dan pengurusan dan sebagainya.

3.2.3 . Maksud firman Allah "dan berbuat baiklah sepertimana Allah berbuat baik kepada kamu". Sasaran perintah ini boleh dikenakan kepada IPT dan juga para pelajar. Dalam konteks pembangunan kerjaya masyarakat pelajar, kepada siapakah yang IPT harus berbuat baik? Dan cara bagaimanakah yang sepatutnya IPT berbuat baik?

⁽²⁷⁾ Allah berfirman dalam al-Quran (Surah al-Ankabut ayat 45): "الصلاة تنهر عن الفحشاء والمنكر". Bermaksud: Solat yang didirikan dengan penuh keinsafan sebagai pengabdian diri terhadap titah perintah Allah (takutkan janji Allah yang berupa balasan buruk bagi setiap perbuatan tidak baik yang dilakukan), dapat mencegah (pelaku solat) dari segala perkara keji dan dosa (dengan itu orang berkenaan berada sentiasa dalam kesejahteraan).

⁽²⁸⁾ Islam menyatakan bahawa mereka yang bersikap tidak bertindak sebagai ahli masyarakat yang baik dikira sebagai tidak sempurna agama dan kemanusiaannya – walau banyak mana ibadat khusus (seperti sembahyang, puasa, zakat/sedekah dan haji) dilakukan. Maksud tersebut disampaikan oleh baginda Rasulullah s.a.w. : "لا يؤمن أحدكم حتى يحب لأخيه ما يحب لنفسه". Bermaksud: Tidak sempurna iman dan kemanusiaan seseorang hinggalah ia mengasihi diri orang lain seperti ia mengasihi dirinya sendiri". Ukuran 'mengasihi diri orang lain seperti ia mengasihi dirinya sendiri' dilihat pada kemampuan seseorang membina sikap positif dalam usaha menjadikan dirinya tidak suka menjejaskan hak orang lain. Sebagai contoh: masyarakat pelajar diasuh dan dilatih supaya menjadi orang yang mampu memberi perkhidmatan terbaik melalui kerjayanya (berkebolehan dari segi menjalani tanggungjawab, bersikap mulia/mesra pelanggan dan sebagainya). Untuk itu IPT wajib mengatur susun kursus-kursus dharuriyat, hajiyat dan tahsinyat serta penyediaan tenaga penggerak yang berkesan ke arah mencapai objektif dan matlamat tersebut.

⁽²⁹⁾ Islam menekankan pendidikan ke arah kecintaan kepada negara. Perkara ini disebut dengan banyaknya dalam Piagam Madinah (lebih dari 25 fasal).

Dalam ayat berkenaan Allah menggunakan huruf "كما" yang membawa erti "seperti". Ini samalah dengan contoh: Usamah seperti singa. Yakni: pada keberaniaannya. Demikian jugalah pada contoh "tuntutan supaya berbuat baik kepada IPT dan pelajar seperti Allah berbuat baik kepada mereka". Kebaikan yang Allah anugerahkan kepada IPT (seluruh kakitangan) berupa punca/sumber rezeki (gaji/upahan/elaun dan sebagainya). Dalam hal ini para staf tidak diminta bayar gaji kepada Allah, tetapi mereka diminta berbuat baik kepada Allah menerusi perjalanan baik tentang pentadbiran dan pengurusan di IPT. Mentadbir dan mengurus dengan penuh keikhlasan, amanah dan bertanggungjawab. Demikian jugalah dengan masyarakat pelajar. Mereka wajib diasuh dengan memastikan pengajaran-pembelajaran berkesan yang memampukan mereka membina sikap untuk belajar dengan ikhlas dan seronok (semua pelajaran dapat difahami dengan baik)⁽³³⁾, amanah (dalam mengguna masa, peruntukan wang pinjaman, penyediaan kerja-kerja pembelajaran dan sebagainya) dan bertanggungjawab terhadap diri (untuk menjadi bakal tenaga kerja yang berilmu dan berkemahiran, bersahsiah dan mampu menjadi contoh pada perkara-perkara kebaikan sebagai orang yang berpendidikan). IPT wajib memikirkan, merancang dan melaksanakan apa jua yang dikira baik dan patut untuk menjalani tanggungjawab dan kewajipan tersebut.

Selain itu Islam memandang 'perkara yang wajib ada sebagai pengukuh sesuatu keperluan (atau sebagainya) maka perkara berkenaan wajib diadakan atau diusahakan untuk mengadakannya'. Contoh: tiang bagi sesebuah rumah, kurikulum yang mantap bagi sesebuah kursus, hubungan baik antara suami isteri untuk kesejahteraan sesebuah keluarga dan sebagainya.

Bagi usaha membangun kerjaya masyarakat pelajar – seperti dikatakan – pentadbiran yang mantap dan pengurusan yang bersih, cekap dan amanah adalah diperlukan. Allah berfirman dalam al-Quran (al-Nisa (4) : ayat 58): "أدوا لأمانات إلى أهلها وإذا حكمتم بين الناس أن تحكموا بالعدل" Bermaksud: Tunaikanlah amanah (hak-hak yang sepatutnya) hendaklah diberi kepada ahlinya / orang yang layak menerimanya, dan apabila kamu menimbang sesuatu kebaikan antara manusia (untuk diberikan kepada siapa yang layak), kamu diminta supaya bersikap adil.

Perkara tiga seperti yang dibincangkan dalam surah al-Qisas ayat 77; Allah minta manusia supaya berbuat baik sepertimana Allah berbuat baik kepada mereka. Ayat 58 dalam surah al-Nisa menyatakan perintah Allah supaya mempertimbangkan sesuatu kebaikan dalam memberi hak seseorang / sesuatu pihak wajib dilakukan dengan seadil-adilnya.

⁽³³⁾ Untuk itu IPT berkewajipan memastikan semua pelajar tidak menghadapi masalah belajar kerana tidak memahami konten pengajian dengan baik, selain dari mengenakan peraturan ke atas para pelajar demi menyelamatkan mereka dari tidak hadir kuliah, tutorial atau makmal kerana semua itu menyebabkan pengajian terputus dan terbantut.

Perkaitan perintah-perintah Allah (seperti di atas) dengan kewajipan dan tanggungjawab IPT terhadap pembangunan kerjaya pelajar sangat jelas dari beberapa aspek berikut;

a) Melihat golongan pelajar sebagai orang yang berhak dipertimbangkan kebaikan buat mereka. Kebaikan buat pelajar yang wajib IPT laksanakan: mengasuh serta mendidik mereka supaya menjadi orang yang benar-benar berilmu (dalam bidang yang mereka ceburi), berakhlak mulia/bersahsiah dan berketerampilan.

Islam memandang sesuatu perkara yang wajib diadakan (bagi memenuhi tuntutan agama, masyarakat, bangsa dan negara) perlu dikaitkan dengan kewujudan perkara lain yang merupakan syarat atau penyokong / pengukuh untuk membolehkan perkara asas yang dikehendaki itu wujud. Bagi kes kewajipan IPT melahirkan graduan berkualiti, untuk itu IPT wajib melihat dan menimbang dengan penuh amanah dan adil pada beberapa perkara berkaitan seperti di bawah, memandangkan perkara-perkara berkenaan adalah penyokong kuat ke arah memampukan IPT menjalani tanggungjawab terhadap pembangunan kerjaya para pelajar (melahirkan graduan yang berkualiti tinggi).

i) Kakitangan akademik di IPT diumpamakan sebagai pencipta resepi, penyedia adunan dan acuan bagi sesuatu masakan. Kualiti masakan berkenaan terletak kepada kebolehan dan kebijaksanaan orang berkenaan. Tidak cukup ilmu masakan yang ada pada dirinya sebagai syarat unggul dan penyebab masakannya berkualiti dan berkhasiat. Diperlukan juga perkara yang lebih penting ialah kerajinan dan semangat yang sentiasa segar dan bertenaga untuk menambahbaik hasil dan kualiti produk. Ini sudah tentu memerlukan faktor-faktor yang membantu ke arah itu.

Demikian jugalah dengan kumpulan tenaga kerja yang bertanggungjawab melahirkan graduan berkualiti, mereka memerlukan beberapa faktor yang membantu ke arah demikian. 'Amanah' dan 'adil' pihak IPT menimbang kenaikan pangkat dan sebagainya merupakan faktor utama yang membantu mereka supaya seronok bekerja di samping kecukupan alat keperluan untuk membantu melicinkan perjalanan tanggungjawab (pertambahan maklumat ilmu pengetahuan melalui kursus, seminar, bengkel dan sebagainya). IPT hendaklah selalu bijak mencari jalan dan bertindak untuk wujud suasana keseronokan bekerja di kalangan kakitangan.

Kaedah Islam yang berkaitan dalam hal ini amat perlu diberi perhatian. Meneliti ciptaan Allah tentang perjalanan dua perkara yang berlawanan sama sekali tidak boleh berlaku pada satu masa dan keadaan; seperti malam dan siang, sejuk dan panas dan sebagainya. Apabila terbenam matahari pada sesuatu tempat dikatakan malam di tempat itu. Dengan itu siang tiada wujud hinggalah naik matahari pada esok pagi. Fungsi siang dan malam bagi umat

manusia adalah jelas. Disebut dalam al-Quran (34) "وجعل الليل لباسا. وجعل النهار معاشا" Allah jadikan malam sebagai pakaian bagi manusia⁽³⁵⁾. Dan siang harus digunakan untuk mencari rezeki⁽³⁶⁾.

Apabila disebut 'keseronokan bekerja' lawannya 'tidak seronok bekerja'. Ini memberi erti kepada IPT agar sentiasa memberi perhatian pada perkara yang boleh membuatkan kakitangan suka bekerja. Antara faktornya yang membawa ke arah demikian: keadilan IPT dalam mempertimbangkan hasil kerja kakitangan yang menatijahkan mereka dapat menikmati kenaikan pangkat dan sebagainya. Berdasarkan yang demikian, kayu ukur untuk tujuan kenaikan pangkat harus bersifat 'amanah', 'adil'; difokus pada tujuan kemampuan menghasilkan produk universiti (graduan yang berkualiti) mengatasi tujuan-tujuan lain.

Perkara itu penting kerana Allah mensifatkan dalam al-Quran, kualiti kerja yang baik (kerja menepati sasaran mencapai objektif) merupakan sedekah yang membawa keuntungan yang berlipat ganda:

"مثل الذين ينفقون أموالهم في سبيل الله كمثل حبة أنبتت سبع سنا بل في كل سنبله مائة حبة , والله يضاعف لمن يشاء , والله واسع عليم" (37)

Bermaksud: Diumpamakan mereka yang membelanjai harta pada jalan Allah, samalah seperti sebiji benih yang tumbuh subur; mengeluarkan 7 tangkai, setiap tangkai mengandungi 100 bijian lagi Allah berkuasa melipatgandakan kebaikan (bagi sesuatu kebaikan yang dilakukan dengan ikhlas dan baik), Allah mempunyai kelebihan, maha mengetahui orang yang berhak dan tidak berhak tentang sesuatu kebaikan sebagai balasan atas daya usahanya⁽³⁸⁾.

3.2.4. Perkara (4) dalam surah al-Qisas (28) ayat 77 yang boleh dikaitkan dengan kewajipan IPT terhadap pembangunan kerjaya masyarakat pelajar iaitu dari segi menyelamat pelajar dari bahaya 'fasad'. Allah sebut dalam al-Quran: "ولاتبغ الفساد في الأرض ان الله لا يحب المفسدين" Dan janganlah kamu membiarkan tindakan perlampauan di muka bumi Allah ini, sesungguhnya Allah tidak suka kepada sebarang pelampauan (dalam semua hal).

⁽³⁴⁾ Surah al-Nabak (78), ayat 10 dan 11.

⁽³⁵⁾ Malam diibaratkan sebagai pakaian bagi manusia adalah bertujuan untuk mengingatkan umat manusia bahawa bekerja atau melakukan sesuatu dalam keadaan selesa (tiada gangguan, segala keperluan cukup) adalah membuah hasil yang baik dan berkualiti. "Malam adalah masa untuk berehat bersama keluarga. Keadaan demikian melahirkan hubungan yang cantik; disifatkan sebagai pakaian, sebab antara fungsi pakaian untuk tujuan keindahan dan kecantikan.

⁽³⁶⁾ 'Siang pula adalah masa sesuai untuk mencari rezeki

⁽³⁷⁾ Surah al-Baqarah (2): ayat 261

⁽³⁸⁾ Al-Muntakhab, halaman 63.

Menerusi maksud ayat tersebut , amat banyak perkara yang boleh diambil ingatan dan tindakan sebagai kewajipan terhadap pembangunan kerjaya masyarakat pelajar. Tidak dinafikan semua majikan gemar memilih pekerja yang baik (berdisiplin berkebolehan dalam menjalani pekerjaan, mempunyai sifat-sifat yang membantu menghasilkan produk berkualiti). Bererti: apa jua bidang kerja memerlukan pekerja tidak membuat kerosakan. Sebagai ejen yang menyedia tenaga kerja profesional/ mahir IPT berkewajipan memberi fokus kepada usaha ke arah membasmi sifat/ sikap negatif daripada para pelajar.

Penutup

Perbahasan mengenai tajuk 'kewajipan IPT terhadap pembangunan kerjaya masyarakat pelajar tidak boleh berakhir , selagimana hasil mahsul yang diintajkan (dikeluarkan iaitu para pelajar) benar-benar berkualiti dari segi akademik, sahsiah dan ketrampilan. Pemikiran ke arah membangun dan memajukan masyarakat pelajar harus berfokus bukan sahaja pada perkara-perkara fizikal (seperti bangunan, alat kelengkapan dan sebagainya) tetapi wajib melebihi batasan itu yang mengambil kira semua perkara dan aspek yang boleh membantu dan menyokong usaha membangun masyarakat pelajar yang benar-benar berilmu dan boleh mengguna ilmu dengan bijak (fikiran berkembang, kreatif, inovatif , berwawasan dan berakhlak mulia). Tegasnya; IPT berkewajipan membangun masyarakat pelajar yang disimpulkan sebagai '***Pemuda Harapan Bangsa dan Pemudi Tiang Negara***'. Oleh itu, segala perkara yang berkaitan ke arah menghasilkan matlamat tersebut adalah menjadi kewajipan IPT menanganinya dengan bijak.

Rujukan

Al-Muntakhab Fi Tafsir al-Quran al-Karim (1984), terbitan Lujnah al-Quran Wa al-Sunnah, Kaherah, Mesir

Ibn Hajar al-Asqalani (1978), **Fathu al-Bari Bisyarhi Sahih al-Bukhari**, Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah, Mesir

Al-Zarqaniy (Abu Abdullah Muhammad bin Abdul Baqir, 1962, **Syarhu al-Muwattak al-Imam Malik**, Mustafa al-Babi al-Halabi, Mesir

Leha @ Zaleha Muhamat (Profesor Madya Dr.) 1986 **al-Mabadiul Ammah Liqiyamil Usrah Ala Hadyi al-Syariati al-Islamiyah** (tesis Ph.D), Universiti al-Azhar, Mesir

_____ (1980), **al-Nahdhatul al-Fiqhiyyah Fi Sadri al-Khilafah al-Abbasiyyah**, (tesis Ijazah Sarjana), Universiti al-Azhar, Mesir

Al-Suyuti (t.t.), **al-Asybah Wa al-Nazair** Kaherah, Mesir

Ayat-ayat al-Quran;

M.Surat dalam kertas kerja

al-Baqarah (2) : 148	4
al-Anaam (6) : 31	5
al-Israk (17) : 26,27	6
al-Qisas (28) : 77	10
al-Rakdu ayat 11	11
al-Nabak (78) : 10 & 11	16
al-Baqarah (2): 261	16